TEMA 10

# Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

## Sistem Bahasa (Kertas 1)

### Bahagian A

*Ayat-ayat di bawah* **mungkin betul** *dan* **mungkin salah.** *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**.
*Pilih jawapan yang* **paling sesuai**.

1 Abang saya <u>sangat gembira</u> (A) kerana <u>riba komputer</u> (B) miliknya telah <u>dibaiki</u> (C). <u>Tiada kesalahan</u> (D)

2 <u>Ibubapa</u> (A) perlu <u>mengawal</u> (B) anak-anak <u>yang</u> (C) leka bermain peranti elektronik. <u>Tiada kesalahan</u> (D)

3 <u>Penggunaan</u> (A) komputer begitu <u>meluas-luas</u> (B) dewasa ini dan digunakan dalam <u>berbagai-bagai</u> (C) bidang. <u>Tiada kesalahan</u> (D)

4 Kerjaya <u>sebagai</u> (A) seorang <u>juruukur</u> (B) memerlukan pengetahuan dan latihan yang khusus serta <u>diiktiraf</u> (C). <u>Tiada kesalahan</u> (D)

5 Skim insurans <u>perubatan</u> (A) mampu <u>meringan</u> (B) beban mereka yang <u>menghidapi</u> (C) penyakit. <u>Tiada kesalahan</u> (D)

6 Siti Aminah mendapatkan <u>perkhidmatan</u> (A) di salon rambut bagi <u>melurus</u> (B) rambutnya <u>yang</u> (C) keriting. <u>Tiada kesalahan</u> (D)

### Bahagian B

*Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan* **Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)** *atau* **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).**

1 Aishah anak sulung guru Sains sekolah kami.

Pola Ayat: ______________________________

2 Murid itu daripada Kelab Reka Cipta.

Pola Ayat: ______________________________

3 Pelumba basikal itu amat gigih berlatih.

Pola Ayat: ______________________________

4 Guru yang sedang berkursus di Kuala Lumpur ialah Cikgu Zakaria.

Pola Ayat: ______________________________

5 Rombongan yang akan menyertai lawatan ke Pusat Sains telah bertolak setengah jam lalu.

Pola Ayat: ______________________________



LIVEWORKSHEETS